

14/08/2004

Eksport produk kayu dijangka capai RM17 bilion

BANTING: Kerajaan mensasarkan eksport produk kayu mencapai nilai RM17 bilion, termasuk RM5 bilion hasil daripada eksport perabot pada tahun ini.

Timbalan Menteri Kerjaraya, Datuk Mohd Zin Mohamed, berkata untuk mencapai sasaran itu, tenaga kerja sektor perabot harus meningkatkan usaha serta memperkembangkan industri itu di merata dunia.

"Kita bukan setakat menjadi jaguh kampung tetapi yang lebih penting ialah kemampuan bersaing pada peringkat serantau dan dunia," katanya selepas merasmikan pertandingan kemahiran ke-14 bidang pembuatan perabot dan corak kayu di Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC) di sini, pagi semalam.

Beliau berkata, kerajaan menyediakan iklim yang amat baik supaya segala bentuk pembangunan dapat dicapai pada ketika negara memasuki era globalisasi dan liberalisasi.

"Kita perlu bersaing dalam pasaran terbuka pada peringkat antarabangsa selaras hasrat kerajaan mahu setiap warganya berdaya saing," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, Kementerian Kerja Raya bersama Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) mengadakan pertandingan itu sebagai langkah memartabat industri kayu yang kurang mendapat tempat di kalangan generasi muda.

Idea pertandingan itu dicetuskan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, Ketua Pengarah MTIB, Mohd Nazuri Hashim Shah, berkata industri kayu kayan menjadi sektor penting kepada ekonomi negara.

"Sumbangan industri ini kepada keluaran negara kasar (KNK) dianggarkan 4.5 peratus di samping menyedia 337, 000 peluang pekerjaan atau hampir 3.5 peratus guna tenaga kerja dalam negara," katanya.

Beliau berkata, industri itu pernah mengatasi perolehan yang dicatatkan sektor petroleum dan kelapa sawit dari segi eksport di mana pada 2003, nilai eksportnya menjangkau RM16.3 bilion, iaitu pertumbuhan sebanyak tujuh peratus berbanding sebelumnya.

(END)